

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN
[SEPANGGAR]**

TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN [SEPANGGAR] minta PERDANA MENTERI menyatakan isu-isu yang masih belum dapat diselesaikan dalam usaha mengembalikan semula hak dan status Sabah dan Sarawak sebagai rakan kongsi bersama dalam Persekutuan Malaysia melalui Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

JAWAPAN

**YB DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUSJOHNITY ONGKILI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH DAN SARAWAK)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sememangnya terdapat banyak lagi perkara yang masih belum selesai atau tiada keputusan di bawah Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 yang ditubuhkan di bawah Kerajaan terdahulu iaitu:

- (i) Royalti Minyak dan Bayaran Tunai Petroleum;**
- (ii) Mineral Minyak dan Medan Minyak;**
- (iii) Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750]; dan**
- (iv) Hak Negeri ke atas Pelantar Benua (Akta Pelantar Benua 1966 [Akta 83]).**

2. Oleh yang demikian, perbincangan berhubung perkara-perkara ini akan diteruskan dalam **Majlis Khas Mengenai Perjanjian Malaysia 1963** (Majlis Khas MA63) yang telah diluluskan penubuhannya oleh Jemaah Menteri pada 9 September 2020 yang lalu.

3. Pada waktu yang sama, sebagai menunjukkan keprihatinan dan keihlasan Kerajaan Persekutuan bagi membantu Kerajaan Negeri Sarawak berhubung isu berkaitan tuntutan negeri berkaitan petroleum dan gas, YAB Perdana Menteri telah melantik YB Menteri Kewangan dan YB Menteri Kanan Kerja Raya untuk membincangkan perkara berkenaan royalti minyak bersama Petronas dan Kerajaan negeri Sarawak dalam satu Jawatankuasa Bersama yang diurus setia oleh Kementerian Kewangan.

4. Memandangkan proses rundingan masih sedang berjalan, maklumat berkaitan terma-terma yang sedang dirundingkan/ dibincangkan dalam Jawatankuasa Bersama tersebut akan diketahui kelak.

Sekian, terima kasih.